

Subsidi elektrik tidak telus, beri keuntungan golongan mahakaya

# Tiada kenaikan tarif elektrik kegunaan domestik - PM

UM - 15/12/2022 w/s: 3

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM dan MOHD. HUSNI MOHD. NOOR  
utusannews@mediamulla.com.my

**PUTRAJAYA:** Kerajaan memberi jaminan tarif elektrik bagi penggunaan domestik tidak akan dinaikkan dan tiada cadangan dari kerajaan berhubung perkara tersebut demi tidak membebankan rakyat.

Bagaimanapun, beliau mengakui ia bakal memberi kesan agak tinggi kepada kewangan negara sehingga mencecah RM30 bilion setahun ekoran keputusan tidak menaikkan tarif elektrik tersebut.

Beliau menjelaskan, sekalipun ada cadangan untuk menaikkan tarif elektrik itu, ia hanya akan dikenakan terhadap syarikat multinasional kerana tarif yang dikenakan kepada golongan itu terlalu rendah buat mereka.

Justeru, beliau berkata, subsidi elektrik yang dinikmati oleh syarikat gergasi seperti syarikat multinasional akan disemak semula dan perkara itu akan diumumkan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad supaya subsidi itu tidak harus diberikan kepada syarikat gergasi yang untungnya tinggi.

“(Jemaah Menteri) membincangkan soal kos sara hidup



**ANWAR Ibrahim ketika mempengerusikan Mesyuarat Kabinet Kerajaan Perpaduan di Putrajaya, semalam. - IHSAN PEJABAT PERDANA MENTERI**

berdasarkan laporan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup (NACCOL) semalam dan kita memutuskan supaya cadangan awal untuk menaikkan tarif elektrik tidak diteruskan kerana ini membebankan rakyat.

“Walaupun diakui tidak ada apa-apa yang dilakukan (tiada kenaikan tarif), kesan kepada kewangan negara agak tinggi mencecah hampir RM30 bilion setahun. Maka, Nik Nazmi selaku menteri akan buat penguaman supaya jika dikenakan pun, hanya terhadap syarikat

multinasional yang eksport kerana tarif terlalu rendah buat mereka.

“Subsidi itu tidak harus diberikan kepada syarikat gergasi yang untungnya tinggi. Tetapi untuk rakyat atau Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tidak terlibat, termasuk syarikat pertanian dan syarikat pengeluar makanan juga tidak terlibat, dari segi rakyat tidak ada langsung cadangan kerajaan untuk menaikkan tarif elektrik,” katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet, di sini semalam.

Dalam mesyuarat NACCOL kelmarin, Anwar berkata, Malaysia mesti menyalurkan semula subsidi pukal yang turut memanfaatkan golongan mahakaya dan konglomerat ke arah menopang atau menyokong kumpulan B40, M40 dan peniaga kecil yang amat terkesan dan memerlukan.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, pemberian subsidi dilihat tidak dilakukan dengan telus, sebaliknya hanya memberi keuntungan kepada golongan kaya.